

**Melayu mahu Putrajaya mansuh agenda Bumiputera 'gunting dalam lipatan' kata NGO
Malaysian Insider**

Jan 4, 2015

OLEH MOHD FARHAN DARWIS

Mana-mana individu Melayu yang menggesa agar Putrajaya memansuhkan agenda Bumiputera lebih berbahaya daripada komuniti kaum lain kerana mereka ibarat "musuh dalam selimut" dan "gunting dalam lipatan", kata Setiausaha Agung Perkasa Syed Hasan Syed Ali.

Kenyataan itu dikeluarkannya susulan kenyataan pakar ekonomi, Tan Sri Dr Kamal Salih yang berkata, sudah tiba masanya Putrajaya menunda agenda Bumiputera dan fokus kepada usaha melaksanakan polisi negara yang mementingkan semua rakyat tanpa mengira kaum.

"Perkasa sudah lama sangat dengar dan berdepan musuh kepada agenda orang Melayu.

"Bukan saja puak bukan Melayu hendak hapuskan hak Melayu, tetapi Melayu sendiri, antara Melayu yang mudah lupa apabila sudah senang dengan polisi agenda Bumiputera," kata Syed Hasan, ketika dihubungi The Malaysian Insider, di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Syed Hasan berkata, keputusan bagaimanapun terletak di tangan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sama ada mahu menanggungkan atau meneruskan agenda pembangunan ekonomi Bumiputera.

"Perdana menteri ada dua pilihan, dengar pandangan pakar ekonomi atau dengar suara majoriti orang Melayu, sebab banyak kali Perkasa dengar orang berjaya hasil agenda Bumiputera, kemudian mahu hapuskan agenda Bumiputera, sampaikan kita sudah lali.

"Orang macam Kamal Salih ini kalau perdana menteri takut sangat ikutlah, orang seperti ini undi tidak ramai, mungkin ada 50 undi, tapi majoriti Melayu perlukan agenda Bumiputera diteruskan," katanya.

Beliau berkata, sekiranya cadangan Kamal diikuti, masyarakat Melayu tidak akan maju, meskipun negara kini sedang bersiap sedia untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

"Beliau hendak kita tangguh, fokus negara maju...bila negara sudah maju, baru mahu tolong Melayu? Memang kita tidak akan maju dan akan terus ketinggalan.

"Ada pihak lain, kaum lain yang lebih berdaya saing kononnya, lebih berkemampuan akan ambil kelebihan yang mereka sudah monopoli. Hendak tinggalkan sementara maknanya memang kita ketinggalan.

"Orang macam ini lebih bahaya daripada kaum lain, inilah musuh dalam selimut, gunting dalam lipatan," katanya.

Dalam wawancara bersama The Malaysian Insider sebelum ini Kamal berkata, sama rata antara kaum lebih penting, dan kemiskinan tidak lagi boleh dibezakan mengikut kaum.

"Perbezaan etnik bukan lagi asas untuk ketidakadilan. Kini ia ditafsirkan dengan pendapatan dan ketidakseimbangan antara kaya dan miskin, beza antara CEO dengan pekerja biasa. Maka semua perkara perlu diubah," katanya.

Semasa perhimpunan agung Umno tahun lepas, Timbalan Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin mencadangkan Polisi Ekonomi Negara (NEP) yang baru ditubuhkan untuk mengubah agenda ekonomi Bumiputera kepada agenda kebangsaan.

November lalu, akhbar News Straits Times melaporkan kerajaan membelanjakan RM46.5 bilion sebagai suntikan untuk ekonomi Bumiputera melalui 23 program sejak September tahun lalu.

Ketua Eksekutif Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) Husni Salleh, yang juga setiausaha Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) berkata semua 23 kementerian, ketua setiausaha dan syarikat berkait kerajaan (GLC) kini mempunyai indikator pencapaian tentang Bumiputera yang dipantau sendiri oleh Najib.

Ini dibuktikan dalam Laporan Pembangunan Manusia 2013 yang ditulis Kamal dengan Dr Muhammad Abdul Khalid serta Dr Lee Hwok Aun.

Antara penemuan laporan berkenaan adalah sejak 1970, ketidakadilan mengikut kumpulan etnik semakin menurun dan menyumbang hanya 4% kepada keseluruhan ketidakseimbangan di Malaysia pada 2009.

Dalam soal kemiskinan relatif, Malayu mencatatkan jumlah 19.1%. diikuti Cina dengan jumlah 17.9% pada 2012.

Mengenepikan soal kaum, pekerja biasa perlu bekerja sehingga 98 tahun untuk memperoleh pendapatan sama dengan purata seorang CEO pada 2011, menurut laporan yang ditugas dan diterbitkan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Secara kasar satu daripada dua Melayu, bukan Melayu Bumiputera, Cina dan India juga tiada aset kewangan cairan segera, menjadikan mereka mudah terjejas jika mengalami masalah kewangan.

Pada masa sama, agenda Bumiputera NEP yang menimbulkan cemburu di kalangan bukan Melayu dan tidak mencapai target penglibatan 30% Bumiputera, kata Kamal.

"Kita mahu agenda pembangunan negara selari dengan agenda Bumiputera, seperti zaman Tun M dulu," kata Syed Hasan, merujuk kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengerusi Ikatan Muslimin Malaysia (Isma) Abdullah Zaik Abdul Rahman bagaimanapun berpendapat kenyataan Kamal itu tidak mencerminkan realiti sebenar negara daripada setiap aspek.

"Sekarang ini lihat dalam komponen masyarakat yang ada kita tidak boleh nafi, wujud masyarakat yang tidak seimbang. Ekonomi yang adil perlu seimbang antara peluang dengan keupayaan, jika tidak bagaimana kita mahu wujudkan ekonomi yang adil.

"Untuk kepentingan negara, kita harus melihat struktur masyarakat itu sendiri, daripada segi sejarah dan agihan peluang. Jadi keadilan ekonomi itu perlu dilihat," katanya.

Beliau berkata, liberalisasi ekonomi juga bukan jaminan pengagihan kekayaan negara yang saksama.

"Liberalisme ekonomi tidak membawa makna keadilan, kalau keterbukaan semata-mata, perlu ada keseimbangan peluang, jadi banyak faktor.

"Kita tidak boleh bawa satu agenda tertentu saja. Kita tidak boleh beri pandangan berdasarkan apa yang kita mahu, ideologi kita atau gesaan orang lain.

"Apa yang hendak dicari daripada liberalisme kalau tiada keadilan," katanya. – 4 Januari, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/melayu-mahu-putrajaya-mansuh-agenda-bumiputera-gunting-dalam-lipatan-kata-n>